
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JMS 411 – Falsafah Sejarah

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

1. Masalah epistemologi (sumber) sejarah tidak sama dalam tradisi Timur dengan tradisi Barat. Sejauh manakah pernyataan ini dapat dibenarkan?
(100 markah)
2. Dari segi ontologi (cakupan) sejarah, tradisi pencejarahan di Timur jauh lebih luas cakupannya daripada tradisi di Barat. Bahaskan.
(100 markah)
3. Bincangkan tentang dua aspek teleologi (tujuan) sejarah yang utama.
(100 markah)
4. Antara isu penting dalam aspek kosmologi sejarah ialah tentang awal sejarah, sedangkan dalam aspek eskatologi sejarah ialah tentang akhir sejarah. Ulaskan.
(100 markah)
5. Dalam masalah nomologi (hukum) sejarah, tema yang selalu ditekankan ialah tentang tidak berlakunya hukum sejarah yang tetap seperti bidang sains. Bincangkan.
(100 markah)
6. Dalam persoalan aksiologi sejarah, sering berlaku fenomena ‘penyimpangan’ (anomali) dalam hukum moral, apabila perbuatan yang baik atau buruk tidak mendapat pembalasan yang sewajarnya. Jelaskan kenyataan ini.
(100 markah)